

Pendekatan Dakwah Ulama Sufi Nusantara Abad ke-17M dan 18M: Suatu Analisis Perbandingan dengan Pendekatan Dakwah Ulama Malaysia Abad ke-21

by Hamzah Hamzah

Submission date: 24-Jul-2019 10:02AM (UTC+0800)

Submission ID: 1154490935

File name: Penelitian_8.pdf (223.07K)

Word count: 4141

Character count: 26289



1

Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV: Ulama Pemacu Transformasi Negara

disunting oleh: Azmul Fahimi Kamaruzaman, Ezad Azraai Jamsari, Emy Azziaty Rozali, Farid Mat Zain, Hakim Zainal, Izziah Suryani Mat Resad @ Arshad, Maheram Ahmad, Md Nor Abdullah, Napisah Karimah Ismail & Zamri Arifin
© Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor
ISBN 978-983-9368-57-4 (2011), <http://www.ukm.my/nun/prosiding%20atas%20italian.htm>

Pendekatan Dakwah Ulama Sufi Nusantara Abad ke-17M dan 18M: Suatu Analisis Perbandingan dengan Pendekatan Dakwah Ulama Malaysia Abad ke-21

Shukri Ahmad, Ismail Yusoff & Hamzah

Jabatan Pengajian Umum, Kolej Sastera dan Sains
Universiti Utara Malaysia, 06010 UUM Sintok, Kedah

Abstrak: Dakwah adalah suatu amalan yang disinonimkan dengan Islam di mana sejak awal kemunculan Islam, ia menjadi tugas Rasulullah, para sahabat dan generasi pewaris ulama. Ulama sangat akrab dengan tugas mulia ini. Perkembangan pesat Islam ke serata pelosok alam adalah usaha sebahagian besar ulama. Ternyata ulama telah berfungsi menyampaikan dakwah kepada umat. Nusantara turut menerima Islam melalui tangan mulia ulama. Mereka terdiri daripada para ulama sufi. Abad ke-17 M dan ke-18 M di Nusantara, ternyata menjadi milik ulama sufi dalam mengembangkan aktiviti dakwah Islam. Dalam kemelut masyarakat yang mengamalkan agama Hindu dan Paganisme, kedatangan ulama sufi ke Nusantara dengan cepat menukar landskap kepercayaan ini. Persoalannya, apakah pendekatan yang mereka gunakan sehingga masyarakat mudah menerima agama Islam. Apakah pendekatan tersebut masih relevan dengan suasana semasa abad ke 21 ini? Bagaimanakah para ulama sekarang boleh menggunakan pendekatan tersebut dalam arus pemodenan dan kepelbagaian cabaran? Kertas kerja ini bertujuan mengupas pendekatan-pendekatan dakwah ulama sufi abad ke 17 M dan 18 M. Seterusnya kertas kerja ini akan membuat analisis perbandingan dengan pendekatan dakwah ulama Malaysia abad ke 21 M ini.

PENGENALAN

Aktiviti dakwah adalah tingkah laku nyata yang dilakukan seseorang Muslim, termasuk juga perilaku yang diperlihatkan dan hasil pemikiran yang dicatat dalam karya yang diterbitkan. Sebelum abad ke-17 M dan ke-18 M, ulama sufi telah mempunyai pemahaman terhadap aktiviti sosial dan politik yang diterjemahkan sebagai usaha dakwah. Malah pemahaman mereka diwujudkan dalam bentuk sebuah gerakan. Hal ini dapat dilihat pada sejarah tariqat Sanusiyyah. Tariqat ini telah membuktikan betapa hebatnya sebuah gerakan yang diasaskan kepada doktrin-doktrin tasawuf. Ia menjadi kekuatan besar dalam pelbagai pemberontakan yang meletus di kawasan Afrika Utara. Tariqat ini juga dapat mengalahkan penjajah Perancis di Algeria dan mengusir Inggeris dari Libya. Tariqat ini sentiasa mengajar pendidikan kerohanian dan selalu menarik orang masuk ke dalam organisasinya (Muhsin, 2005: Harun, 1975).

Sama halnya dengan ulama abad ke-17 M dan ke-18 M, kejayaan mereka tidak terlepas daripada doktrin-doktrin sufi kerana mereka mendukungi asas pemahaman terhadap *Khalifat Allah fi al-Ard*, menunai *amanah*, menegakkan kebenaran dan mencegah kemungkaran, dan aktiviti sosial dan politik. Peranan dan pendekatan dakwah ulama sufi pada abad ke- 17 M dan ke-18 M membawa kepada kesan atau pengaruh yang sangat besar terhadap penyebaran Islam di Nusantara. Islam tersebar luas

dan meliputi pelbagai lapisan masyarakat seperti masyarakat awam, intelektual, birokrat, ahli politik, dan para berkuasa pada waktu itu.

Kejayaan dakwah ulama sufi dahulu hingga kini terus berkembang di Nusantara terutama di Malaysia, Jawa, Sulawesi, Sumatera Selatan, Sumatera Barat, Jawa Barat, dan kawasan-kawasan lainnya. Sehingga kini kawasan-kawasan tersebut masih kuat mempelajari kitab-kitab bercorak tasawuf-sunni al-Ghazali (450-550. H/ 1057-111 M) termasuk di pondok-pondok, pesantren-pesantren dan pusat pengajian masing-masing. Demikian juga masih banyak acara-acara agama seperti *tahlil*, *ratib*, *marhaban*, *sekaten*, dan lain-lainnya yang masih terus dipraktikkan di kebanyakan kawasan ini. Acara-acara keagamaan ini masih cenderung mengikuti tradisi-tradisi kesufian dan tariqat yang ditinggalkan oleh para tokoh sufi terdahulu (Solihin, 2005:28).

Pegangan Ulama Sufi Abad ke-17 dan 18M: Latar belakang persefahaman agama bercorak kesufian adalah berasaskan doktrin-doktrin kesufian yang menjadi pegangan dan keyakinan ulama sufi. Persefahaman inilah yang menggalakkan ulama sufi abad ke-17 M dan ke-18 M berpandangan positif ke atas aktiviti dakwah dalam aspek kemasyarakatan dan politik. Persefahaman tersebut adalah melibatkan keyakinan manusia sebagai *Khalifah Allah Fi al-Ard* dan usaha menegakkan kebenaran dan mencegah kemungkaran.

1

Keterlibatan Ulama ke atas Aktiviti Dakwah: Dalam menegakkan *amar m'aruf dan nahi mungkar* mereka tidak takut kepada sesiapa, sekalipun terhadap raja. Hal ini berlaku kepada al-Palimbani di mana beliau pernah mengirim surat kepada raja supaya berbuat baik dan mencegah perbuatan mungkar. Begitu juga al-Palimbani selalu mengingatkan masyarakatnya berbuat baik dan mencegah kemungkaran. Al-Sinkli juga terlibat dalam dakwah *amar ma'ruf nahi mungkar* dengan cara membentuk kader mubaligh, agar mampu mengajarkan serta menyebarkan agama Islam di daerah asalnya. Antara murid-muridnya termasuklah Syekh Burhanuddin yang dihantar ke daerah asalnya Ulakan, Syekh Abd Muhyi Pamijahan dihantar ke Jawa Barat (Taufik, 1991: 118).

Al-Raniri, seorang tokoh sufi yang perjuangannya dalam dakwah diceritakan dalam sejarah kemasukan Islam ke Kedah, telah sampai ke negeri ini pada abad ke-17 M. Pada ketika itu masih ramai masyarakat Islam mengamalkan fahaman Hinduisme dan berlaku penaklukan Aceh ke atas Kedah. Diceritakan, Aceh menyerang Kedah adalah untuk mengembalikan Islam seperti semula (Al-Attas, 1986:11). Atas usaha al-Raniri, kitab *sirat mustaqim* dihantar ke Kedah pada tahun 1640an yang membincangkan mengenai asas-asas agama; peraturan dan undang-undang peribadatan; undang-undang nikah kahwin yang termuat dalam kitab. Akhirnya Islam berkembang dan berpengaruh semula di Kedah. Ini bermakna pengaruh al-Raniri adalah sama penting dengan peranan ulama Abdullah al-Yamani, iaitu ulama yang pertama berjaya membawa Islam ke Kedah.

Kaum muslim terutama moden, seringkali menganggap kesufian sebagai salah satu penyebab utama kemunduran dunia Islam. Mereka menuduh kesufian sebagai sumber bidaah, tahyul dan khurafat. Secara sosial, kesufian dipersalahkan kerana menarik masyarakat muslim ke arah "kepasifan" dan penarikan diri (*uzlah*) daripada permasalahan duniawi. Ia dianggap menggalakkan sikap pelarian diri (*escapism*) daripada kemunduran sosio-ekonomi-politik kaum muslimin. Akibatnya, masyarakat muslim tidak berjaya bersaing dengan dunia Barat yang terus maju.

Sebenarnya tuduhan besar tersebut tidak mempunyai asas yang kuat, khususnya pada zaman kesufian abad ke-17 M dan ke-18 M di Nusantara. Bukti-bukti menunjukkan bahawa kesufian pada kedua-dua abad itu menuntut kepatuhan penuh zahir dan batin umat muslim (sufi) pada syariat yang berasaskan al-Quran dan as-Sunnah. Enam ulama sufi besar Nusantara bersepakat bahawa mustahil bagi para sufi mencapai tujuan spiritual mereka tanpa mematuhi sepenuhnya doktrin-doktrin ortodok Islam tersebut. Walaupun begitu, mereka mengakui ada hal-hal yang menyimpang dari kesufian, tetapi hal itu terjadi kerana kurangnya kefahaman terhadap ajaran-ajaran kesufian yang murni. Itulah sebabnya,

menurut mereka ketika berlaku penyimpangan, maka mereka perlu segera melakukan tindakan untuk meluruskan semula seperti yang dilakukan oleh ar-Raniri.

Pergaulan dengan Masyarakat: Ulama sufi abad ke-17 M dan ke-18 M tidak menghalang para pengamal sufi untuk bergaul sesama manusia, sesama sufi, orang ramai dan lain-lain. Malah menurut mereka, seseorang sufi yang bergaul dengan manusia biasa tetapi mampu menjaga kemurnian perjalanan spiritualnya, lebih mulia lagi berbanding seorang sufi yang menyembunyikan diri (*'uzlah*) daripada pergaulan dengan manusia, sekalipun ia mampu menjaga kemurnian perjalanan spiritualnya. Hal ini dapat digambar oleh ungkapan al-Sinkli berikut:

دان سيد نبي صلى الله عليه وسلم المؤمن الذي يخالط الناس و يصير على اذاهم افضل من المؤمن الذي لا يخالط الناس ولا يصير على اذاهم. اوتين مؤمن يغير جمفر دغن سكل مانسي دان صير اي ائس سكس مريكتت ترليه درفد مؤمن يغ تباد برجمفر دغن سكل مانسي دان تبادا صير اي ائس سكس مريكتت

Dan sabda Nabi Muhammad s.a.w. ertinya:

mukmin yang mampu bercampur (bergaul) dengan segala manusia dan sabar ia atas seksa (gangguan) mereka itu terlebih daripada mukmin yang tiada bercampur dengan segala manusia dan tiada sabar ia atas seksa mereka (al-Sinkli, t.t. 72-73).

Pendekatan Ulama Sufi Abad ke-17 dan 18 dalam Aktiviti Dakwah: Ulama sufi abad ke-17 M dan ke-18 M di Nusantara jelas tidak hanya fokus kepada amalan-amalan kesufian sahaja tetapi juga terbabit dalam pelbagai aktiviti sosial dan politik tempatan. Peranan ulama sufi sebagai pendakwah terbukti sangat berkesan kerana mereka terlibat sebagai pemimpin formal, guru dan mubaligh, penasihat sosial, perjuang dalam medan perang, mempengaruhi dasar politik, mufti dan penasihat raja.

Pemimpin Informal: Ulama sufi, seperti syekh, khalifah, atau *mursyid* merupakan tokoh agama dan sosial di persekitaran masyarakatnya. Di samping peranan sebagai pemimpin tariqat, mereka juga dianggap oleh masyarakat tempatan sebagai pemimpin informal mereka. Pemimpin informal di sini bermaksud pemimpin yang tidak diangkat oleh institusi rasmi tetapi pemimpin yang diiktiraf oleh masyarakat setempat. Hal ini disebabkan oleh sifat-sifat *karamah* dan *barakah* yang dimiliki ulama sufi tersebut. Keberkatan mahupun kemuliaan ulama sufi tersebut memperkukuhkan pengaruh kepemimpinan mereka terhadap masyarakat tempatan. Justeru, para sufi yang berasal daripada pelbagai tariqat, sudah semestinya memainkan peranan yang cukup ketara dalam kehidupan bermasyarakat, seperti Syekh Yusuf al-Makassari yang mampu membangunkan pengikut-pengikut yang setia kepadanya sama ada di Sulawesi Selatan, Banten mahupun di Cape Town.

1
Hal ini juga berlaku kepada ulama-ulama sufi lain atau pemimpin-pemimpin tariqat lain.

Penasihat kepada Masyarakat: Di antara peranan hal ehwal awam, ulama sufi (syekh) Nusantara tanpa mereka sedari adalah berperanan sebagai tempat mengadu bagi masyarakatnya dalam menyelesaikan sebarang permasalahan individu, institusi keluarga, masyarakat, duniawi mahupun agama. Masyarakat di persekitarannya akan menjadikan syekh tersebut sebagai tempat mereka mengadu, bertanya dan mencari penyelesaian berhubung pelbagai masalah. Banyak karya ulama sufi menyebutkan tentang hal ini, misalnya Al-Raniri menyebutkan:

Bergeraklah hatiku dan condonglah fikirku bahawa aku hendak pungut akan beberapa soal seperti mutiara dan seperti manikam dan beberapa jawabnya yang seperti mutiara yang dinizamkan dia pada tali segala ibarat dan beberapa furu' yang indah-indah pada bicara hukum furu' syariah (al-Raniri, t.t. 3).

Di mata masyarakat, ulama sufi adalah pengamal agama, memiliki dan memperolehi petunjuk secara benar dari ilahi berkat kekuatan spiritual (*barakah*) yang dianugerahkan Tuhan kepada ulama tersebut. Apapun keperluan murid atau pengikutnya serta masyarakat, sama ada yang berbentuk spiritual ataupun praktik, cuba dipenuhi oleh ulama ini. Selain itu, ulama sufi juga berfungsi juga untuk menyatukan moral dan intelektual masyarakat. Salah satu fungsi mereka adalah sebagai *mursyid*, atau *syekh al-tarbiyyat*, pembimbing spiritual dan pendidik. Atas peranan mereka, ulama ini menjadi contoh teladan, pemimpin dan pembimbing kebenaran. Kesannya, ramailah masyarakat yang mengadu atau meminta nasihat permasalahan mereka kepada ulama kerana ulama ini dianggap pembawa kebenaran dan mampu memecahkan permasalahan yang timbul.

Guru dan Muballigh: Dalam lingkungan bermasyarakat, syekh yang kerjayanya adalah guru sufi juga dianggap oleh sebahagian masyarakat sebagai guru mereka juga. Sememangnya seorang syekh tidak hanya mendidik, mengajar, atau menyampaikan kebenaran kepada murid-muridnya, akan tetapi lebih jauh ia juga mendidik, mengajar, menyampaikan dakwah kepada seluruh masyarakat atau umat. Walaupun tugas guru mengajar dan mendidik muridnya, tetapi pada waktu yang sama mereka juga berperanan mengembangkan misi dakwah.

Dalam sejarah hidup para sufi besar tersebut tergambar bagaimana kesungguhan mereka dalam mendidik dan berdakwah untuk umat, seperti Yusuf al-Makassari yang diambil oleh Sultan Ageng Tirtayasa untuk menjadi guru bagi pendidikan putera-puteri Sultan, khususnya, guru bagi anaknya yang tertua, Pangeran Gusti, yang kemudian dikenal dengan gelaran Sultan Haji (Abu Hamid 1994:92).

Mufti dan Penasihat Sultan: Ulama-ulama besar tersebut mempunyai hubungan langsung dengan raja-raja. Pada waktu itu, ar-Raniri, as-Sankili dan al-Makassari menjawat jawatan sebagai Mufti Agung atau ahli jawatankuasa Syari'ah di kerajaan mereka masing-masing. Al-Raniri pernah diangkat menjadi mufti sekembalinya ke Aceh buat kali kedua. Waktu itu, Syams al-Din dan Iskandar Muda berturut-turut meninggal dunia (Ahmad Daudy, 1983:45). Beliau segera dilantik menjadi *Syaikh al-Islam* salah satu kedudukan tertinggi dalam Kesultanan Aceh di bawah sultan sendiri, bahkan mungkin lebih berpengaruh dibanding kedua-dua jawatan tertinggi lainnya iaitu *Qadi Malik al-Adil* dan *Orang Kaya Maharaja Srimaharaja*. Para wakil pedagang Belanda menamakannya dengan "Sang Moorish Bishop" (Uskup orang Muslim).

Mempengaruhi Polisi Politik: Usaha mengubah polisi pemerintahan yang dilakukan ulama sufi ini seiring dengan kedudukan ulama sebagai *amar ma'ruf* dan *nahi mungkar*. Sebagai orang yang diberi amanah memikul sesebuah jawatankuasa syari'ah, ulama di zaman ini tidak mensia-siakan kesempatan ini untuk menegakkan syariat Islam dengan cara mempengaruhi polisi kerajaan yang tidak berpaksi al-Quran dan al-Hadis. Dakwah seperti ini adalah dakwah yang menggunakan siasah kekuasaan yang mempunyai pengaruh lebih luas iaitu menyentuh ramai masyarakat. Dakwah ini tidak lagi terus kepada ramai orang, cukup dengan mempengaruhi penguasa yang membuat dasar negara.

Boleh diyakini bahawa kedudukan ulama sufi tersebut dalam pemerintahan pasti memiliki pengaruh ke atas dasar-dasar pemerintah sama ada berkaitan hal ehwal sosial, politik mahupun keagamaan. Ada beberapa polisi pemerintah yang dilakukan atas desakan, usul, atau pengaruh ulama sufi tersebut seperti kes pertuduhan ke atas para pengikut faham *wujudiyah* di Aceh pada masa pemerintahan Sultan Iskandar Tsani, yang dijangka atas desakan al-Raniri. Al-Raniri memanfaatkan kedudukannya sebagai Syekh al-Islam (mufti) kesultanan untuk mengeluarkan fatwa kafir terhadap para pengikut dan pendukung faham *wujudiyah*.

Pejuang di Medan Perang: Ulama sufi abad ke-17 dan ke-18 tersebut bukan sahaja 'alim dalam ilmunya, soleh yang bukan sembarangan, penulis yang kritis dan mendalam, akan tetapi mereka juga adalah pemimpin masyarakat. Di antara mereka ada yang menjadi ahli jawatankuasa tinggi dalam pemerintahan. Sebahagian lagi memiliki hubungan secara langsung dengan pentadbiran pemerintah. Secara sosial dan politik pula mereka semua punya "saham" dan modal yang cukup signifikan. Namun sebahagian ulama sufi besar tersebut bukan hanya terbabit sampai di situ sahaja, bahkan lebih jauh lagi mereka ikut turut berjuang membela agama dan bangsa yang benar menurut mereka. Mereka turut

1
serta berjuang secara fizikal di medan perang, pembela kebenaran dan keadilan. Di antara mereka itu adalah al-Makassari, al-Palimbani dan al-Fathani. Walaupun, al-Raniri, al-Sinkili dan al-Banjari tidak ikut berjuang secara fizikal, ini bukan bererti mereka tidak mahu turun berjuang (berperang) akan tetapi Aceh dan Banjarmasin pada masa itu, belum "didekati" Belanda dan pada waktu itu kekuatan kerajaan-kerajaan Islam Nusantara masih lemah khususnya Aceh pada abad ke-17 M (masa al-Raniri dan al-Sinkili). Kekuasaan penjajahan Belanda di Nusantara bermula pada akhir abad ke-17 dan seterusnya.

Pendekatan Dakwah Ulama Malaysia Abad ke-21: Suasana abad ke 21 ini merupakan suasana yang dapat digambarkan sebagai suatu keadaan kesinambungan dan perubahan (*continuity and change*).¹ Fenomena kesinambungan, membuatkan sebahagian ulama masih mengekalkan pendekatan dakwah tradisional dengan melalui tradisi pengajian neo-sufisme di pondok, pasentren dan madrasah. Sementara suasana perubahan pula berlaku dengan pantas apabila ulama banyak terlibat dalam sistem pendidikan moden, menggunakan kaedah dakwah moden seperti penguasaan ICT dan menjauhi doktrin-doktrin sufisme.

Perubahan pendekatan dakwah yang paling ketara berlaku di abad ke 21 ialah pada penggunaan teknologi maklumat melalui kegunaan siber. Maklumat melalui teknologi siber sudah menggantikan sistem tradisional seperti penulisan buku-buku dan pengajian di masjid semata-mata. Usaha dakwah melalui teknologi ini sudah menjadi suatu trend sekarang yang dimuatkan dalam internet. Malah kalangan ulama sekarang juga sudah dapat menguasai teknologi internet ini. Sememangnya pun pendekatan dakwah melalui alam siber sangat diperlukan. Internet membawa perubahan penting dalam membangunkan kemajuan, justeru ulama kini mesti menggunakan media internet ini agar sesuai dengan zamannya.

Amalan Beragama: Aspek penting yang mendepani ulama kini ialah ujian material berbanding ulama yang berdakwah pada abad ke 17 dan 18. Sikap ulama kini yang menolak amalan tarikat dan doktrin sufisme menyebabkan unsur-unsur material mudah meresap masuk ke dalam jiwa mereka. Selain itu, unsur-unsur material yang semakin bertambah-tambah sekarang boleh menyebabkan ulama terbabas dari tujuan murni iaitu untuk mengejar matlamat akhirat. Hal ini berbeza dengan ulama abad ke 17 dan 18 M. Jika para ulama sufi abad ke 17 dan 18 bermati-matian mengorbankan jiwa raga untuk menulis dan memperhamba diri untuk agama di samping berusaha membentuk nilai budi masyarakat bertakwa kepada Allah, namun era moden ini sebahagian ulama "terkulai" menghadapi ujian material ini. Amalan-amalan kesufian yang

menjadi kekuatan ulama dahulu kini ditinggalkan, malah sekadar dipelajari sebagai teori dalam kajian dan pembelajaran. Kesannya, pendekatan dakwah ulama kini hanya berlegar dalam aspek teori berbanding praktikal. Umpamanya, ulama dahulu seperti Syekh Daud Abd Allah al-Fatani menulis kitab yang berjumlah 57 buah dalam serba kekurangan, tanpa mengharapkan apa-apa ganjaran material membuktikan praktis agama sangat berbekas. Hal ini tentu menjadi suatu pukulan kepada ulama yang berada pada zaman serba mewah ini yang tidak dapat pula menghasilkan karya-karya besar.

Ulama menjelang era globalisasi terpaksa mendepani pelbagai masalah masyarakat Justeru itu mereka memerlukan pendekatan dakwah yang mantap dan bersifat semasa. Ulama pada abad ke 17 dan 18 M telah membuktikan bahawa peranan mereka terlonjak adalah kerana mereka memiliki sahsiah yang mulia, zuhud, alim dan fakih. Al-Zubaidi menyenaraikan sifat ulama yang berkesan dalam dakwah sebagai berikut; pertama, mereka menjadi seorang *abid* atau beramal dengan ilmu. Selain itu, mereka bersifat *zahid* atau zuhud dengan keduniaan. Demikian juga, mereka '*alim* dengan ilmu atau ilmu-dakwah yang mempunyai hubungan dengan akhirat. Mereka juga adalah *faqih* atau amat memahami kemaslahatan masyarakat. Paling utama, ulama tersebut bersifat ikhlas dengan dakwah untuk mencapai keredaan Allah (al-Zubaidi, 1989, 299-300). Jelas bahawa sahsiah yang dibawa oleh ulama lampau membolehkan mereka menguasai dan memahami kemaslahatan masyarakat semasa yang akhirnya memperteguh lagi kredibiliti dan keyakinan ummah terhadap mereka. Imej diri yang baik dipertontonkan oleh ulama abad ke 17 dan 18 M melalui sahsiah dan penampilan diri mereka telah dapat menambah keyakinan masyarakat Islam.

Pendekatan dakwah melalui medan politik dilakukan oleh ulama dahulu dan sekarang. Ini bermakna, ulama kedua-dua zaman masih tetap bersedia untuk menjadi tunjang kepada perubahan sistem politik. Jika ulama kini memiliki ilmu, berada di persada kuasa dengan imej diri yang bersuluhkan akhlak kenabian dan membina sahsiah yang baik, maka umat Islam akan melihat banyak kebaikan serta masa depan Islam tetap untuk Islam.

Raison d'etre kepada dakwah ialah untuk meningkatkan spiritual yang akan membolehkan akal menguruskan nafsu (Wan Mohd Nor, 1998: 195). Tujuan dakwah adalah untuk mencorakkan masyarakat bertakwa yang bergantung kepada ilmu kerana Allah. Bagaimanapun matlamat ini telah terabai dengan penerapan epistemologi ilmu Barat secara berleluasa. Matlamat ilmu untuk membentuk adab ke arah merasa takut kepada Allah dan mentaati semua perintahnya mudah dirosakkan dengan matlamat ekonomi dan pentadbiran semata-mata. Oleh itu, ulama harus sentiasa mengingatkan umat Islam mengenai penyimpangan epistemologi

1
ilmu dan kerangka fikir Barat ini. Akibat penyelewengan *raison d'être* ini, nilai-nilai adab, ilmu dan *hikmah* nampaknya tidak lagi disepadukan dalam sistem orientasi ilmu di pusat-pusat pengajian tinggi agama di dalam negara sekarang. Malah, budaya ilmu semakin terpisah dengan amalan kerohanian. Dalam kata lain, ilmu agama menjadi sebagai suatu disiplin yang terasing dengan praktis amalan kerohanian. Ramai para ulama tidak berupaya menjadi *mursyid* dalam membentuk amalan kerohanian para pelajar mereka. Malah, tidak wujud suatu hubungan antara pengajian ilmu dengan amalan yang diawasi secara formal dan yang dipraktikkan di dalam serta di luar dari dewan kuliah.

Kadaan ini agak berbeza dengan ulama abad ke 17 dan 18 M yang menjadikan gabungan antara adab, dakwah dan *hikmah* secara bersepadu dalam tradisi ilmu. Misalnya, amalan sembahyang yang diketuai tok guru pada setiap waktu, pembentukan personaliti murid yang sentiasa diawasi dan amalan-amalan tasawuf yang diawasi menjadikan kesepaduan antara dakwah, ilmu dan amalan dibuktikan. Sebaliknya ulama kini tidak dapat mempraktikkan kesepaduan di atas disebabkan penyelewengan *raison d'être* yang menjadikan mereka dibatasi suasana dan sistem Barat.

Abad ke 21 akan menyaksikan penglibatan ulama dalam institusi politik menjadi lebih kompetitif. Oleh kerana perubahan yang ditawarkan oleh ulama akan melibatkan transformasi dalam semua sudut, termasuk dalam daerah budaya dan politik yang sensitif maka kewibawaan dan karisma ulama dalam segenap sudut kehidupan menjadi cukup penting. Jika ulama gagal menawarkan transformasi menegakkan sebuah "negara Islam" yang dihasratkan, maka *raison d'être* terhadap penglibatan politik mereka selama ini tidak akan diragui kalangan masyarakat.

Tanggungjawab ulama sebagai pemimpin politik berbeza dengan tanggungjawab sebagai pemimpin agama. Kedudukan sebagai pemimpin politik sekarang memerlukan ulama menguasai ilmu, pola pemikiran, budaya pelbagai bangsa dan pengetahuan agama masyarakat. Oleh itu kesediaan ulama menguasai semua ilmu dan kaedah dakwah amat mustahak. Tambahan lagi, aspek-aspek sensitif dalam isu-isu agama dan budaya akan menjadi ukuran kewibawaan mereka dan pemikiran ulama selaku pemimpin ini. Tugas mereka menjadi semakin kompleks ketika ini kerana usaha membimbing umat Islam dan masyarakat bukan Islam ke arah menghayati Islam secara syumul sentiasa dibayangi dengan sikap salah faham, prejudis dan anti-agama di kalangan masyarakat sendiri. Justeru itu, pendekatan dakwah ulama harus sentiasa bersikap dinamik dan matang. Maksud dinamik dan matang seperti disebut al-Qardawi iaitu "apabila mereka dapat menghimpunkan ciri-ciri *salafiyah* dengan aliran *tajdid* sekali gus" (al-

Qardawi, 1988, 48). Jika ulama gagal bersifat komprehensif dalam menghimpunkan ciri-ciri di atas, kepimpinan politik mereka akan menjadi sukar diramalkan.

Selain meneliti aspek-aspek di atas supaya diatasi, ulama kini juga mesti bekerjasama dengan intelektual Islam yang menginsafi kedudukan mereka sebagai orang Islam. Pembabitan seramai mungkin yang dapat ulama dan intelektual dalam gerakan Islam adalah pra syarat dalam usaha membangunkan masyarakat berasaskan tauhid ini. Cerdik pandai yang berpendidikan sekular hendaklah diberikan suntikan baru agar tidak menjadi agen-agen budaya Barat yang negatif. Para ulama yang masih terasing dari gerakan Islam, atau hanya menumpukan kehidupan kepada ibadat ritual hendaklah juga digerakkan supaya mereka memainkan peranan yang lebih besar dengan menyediakan analisis dan cara-cara untuk berdepan dengan realiti sekeliling. Aliran pemikiran gerakan Islam seperti *Ikhwan al-Muslimin* dan *Jama'at Islami* boleh terus menjadi sumber inspirasi dalam usaha membawa perubahan sosiobudaya masyarakat Islam.

Mengambil kira bahawa ulama juga bakal merupakan pemimpin negeri atau negara, persiapan untuk menjana ulama yang tahu untuk mengurus sektor ekonomi dan pentadbiran harus dilakukan. Kepakaran mereka dalam bidang dakwah syariah mestilah dilanjutkan kepada kepakaran menguasai ilmu-ilmu moden. Usaha membentuk ulama abad ke 21 ini tidak boleh lagi bersifat mengekalkan *status quo* dalam aspek-aspek pemikiran akidah dan syariah sahaja, sebaliknya harus dilanjutkan kepada pemahaman seperti bidang ekonomi dan politik semasa. Dalam kata lain, mereka harus disediakan dengan kebolehan dalam menghadapi pelbagai isu terkini dengan dakwah dan kebijaksanaan semasa. Dengan mengambil kira keseluruhan masalah tersebut, ulama yang melibatkan diri dalam institusi politik abad ke 21 adalah kalangan yang bakal berhadapan dengan tanggungjawab yang besar dalam usaha untuk menjana pemikiran politik masyarakat mengikut acuan agama.

Hubungan dengan Masyarakat Islam dan Bukan Islam: Pada Abad ke 17 dan 18 M, ulama mampu mengislamkan ramai orang. Kini, ulama juga mesti meluaskan jaringan hubungan dengan pelbagai lapisan masyarakat di samping berusaha bersungguh-sungguh menjelaskan Islam dan mengislamkan masyarakat Islam. Hubungan dengan masyarakat bukan Islam telahpun dilakukan tetapi masih jauh berkurang. Tidak banyak aktiviti yang diatur untuk mendekatkan hubungan antara ulama dengan bukan Islam. Akibatnya, salah tanggapan terhadap ulama di kalangan bukan Islam masih tinggi. Pelbagai kaedah wajar dicetuskan oleh ulama termasuk ulama yang mewakili pertubuhan sukarela dari institusi sosial seperti persatuan-persatuan

¹ ulama negeri dan pusat bagi menjalin hubungan baik dengan bukan Islam. Usaha pertubuhan sukarela seperti Outreach ABIM yang telah mengadakan hubungan dengan masyarakat bukan Islam wajar dicontohi dan diteruskan lagi. Ini penting kerana setiap keadaan yang berlaku dalam negara ini melibatkan umat Islam dan bukan Islam secara bersama.

KESIMPULAN

Kedudukan strategi yang dipegang oleh ulama sufi abad ke 17 dan 18 M di tengah masyarakat sama ada kedudukan formal mahu tidak formal, merupakan kesempatan bagi ulama sufi menyebarkan agama Islam bercorak sufi. Mereka mendapat dukungan daripada pemerintah sehingga dengan demikian ulama memperoleh beberapa kemudahan di antaranya boleh berkomunikasi langsung dengan orang ramai, menggunakan kemudahan negara dan bernaung di bawah kekuatan pemerintah. Sikap ulama dahulu yang memiliki sifat-sifatnya *tawadu'*, dan perilaku soleh, bergaul dengan masyarakat awam mejelaskan ulama zaman tersebut merupakan ulama *bi al-hal dan bi al-lisan*. Pendekatan dakwah ulama abad ke 21 tentunya lebih mencabar. Kini, ulama tidak lagi mengamalkan amalan-amalan sufisme seperti ulama abad ke 17 dan 18 M, termasuk menolak amalan tariqat. Kesan besarnya ialah sikap zuhud dan *tawadu'* mudah terhakis dalam jiwa mereka. Kerana itu, amalan-amalan bercorak tasawuf mestilah diteruskan sebagai benteng menghadapi ancaman material kini. Pola masyarakat yang pelbagai agama, pengaruh Barat dan teknologi serta tuntutan material memerlukan ulama sentiasa ke depan. Oleh itu, pendekatan dakwah ulama sekarang mesti juga mengambil kira ketulusan dan keikhlasan, mengutamakan agama berbanding habuan material, keupayaan menguasai teknologi, keterlibatan dengan masyarakat dan kebolehan menguasai politik dan berinteraksi dengan pemerintah. Ulama akan berjaya membawa mesej dakwah dan perubahan moral masyarakat jika mereka mendahulukan kepentingan diri dan tuntutan material dengan mengutamakan jihad untuk agama.

¹ NOTA Hujung

ⁱ Azyumardi menggambarkan fenomena ini sebagai "mengurangi ciri-ciri ekstatik dan berlebih-lebihan dari tasawuf sebelumnya dan menekankan kepatuhan pada syariat, pada saat yang sama mereka mempertahankan kaitan-kaitan doktrinal mereka" (Azyumardi, 1994: 131-132). Istilah kesinambungan dan perubahan (*continuity and change*) ini sebenarnya bukan suatu istilah baru. Bahkan ia pernah dipopularkan oleh beberapa orang sarjana

¹ sosiologi seperti Takane (1981) dan Rosenau (1990).

RUJUKAN

- Abu Hamid. (1994). *Syeikh Yusuf seorang ulama, sufi dan pejuang*, Jakarta: Yayasan Obor Indonesia.
- Ahmad Daudy. (1983). *Allah dan manusia dalam konsep Nuruddin Ar-Raniri*. Jakarta: Rajawali.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (1986). *Commentary on The hujjat As-sidiq of Nur ad-Din Ar-Raniri*. Kuala Lumpur. The Ministry of Culture.
- Al-Qardawi, Yusuf. (1988). *Al-sahwah al-Islamiyyah wa humum al-watan wa al-Islami*. Kaherah: Dar al-Sahwah
- Al-Raniri, Nuruddin, (t.t) *Sirat al-Mustaqim*. (Edited by: Al-Fatani, Mustafa Ahmad bin Muhammad Zain).Singapore.
- Azyumardi Azra.(1994). *Jaringan ulama Timur Tengah dan kepulauan Nusantara abad ke XVII dan XVIII*. Bandung: Penerbit Mizan.
- Harun Nasution. (1975). *Pembaharuan dalam Islam, sejarah pemikiran dan gagasan*. Jakarta: Bulan Bintang.
- Muhsin Jamil. (2005). *Tarekat dan dinamika sosial dan politik, tafsir sosial sufi Nusantara*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Rahman, Fazlur. (1987). *Metode alternatif neo-modernisme Islam*. (Ter:) Bandung: Mizan.
- Rosenau, James N.(1990). *Turbulence in world politics, a theory of change and continuity*, Great Britain: Princeton University Press.
- Solihin. (2005). *Melacak pemikiran tasawuf di Nusantara*. Jakarta: Pt. Raja Grafindo Persada.
- Takane, Masa'aki. (1981). *The political elite in Japan,continuity and change in modernization*. California: University of California.
- Taufik Abdullah. (1991). *Sejarah umat Islam Indonesia*. Jakarta: MUI.

Pendekatan Dakwah Ulama Sufi Nusantara Abad ke-17M dan 18M: Suatu Analisis Perbandingan dengan Pendekatan Dakwah Ulama Malaysia Abad ke-21

ORIGINALITY REPORT

98%

SIMILARITY INDEX

98%

INTERNET SOURCES

2%

PUBLICATIONS

6%

STUDENT PAPERS

PRIMARY SOURCES

1

www.scribd.com

Internet Source

98%

Exclude quotes On

Exclude matches < 1%

Exclude bibliography On